

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Sambut baik saranan Ghafar

KUALA LUMPUR, Ahad — Beberapa kerajaan negeri menyahut gesaan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dengan menganjurkan pelbagai usaha untuk menampung bilangan peladang muda ke arah mengurangkan kemasukan pekerja pendatang asing di sektor perladangan.

Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri Pahang akan menganjurkan kursus pertanian dan latihan amali kepada golongan belia.

Timbalan Menteri Besarnya, Datuk Haji Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata hari ini banciaan sosioekonomi yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri menunjukkan kebanyakan petani yang menjalankan kegiatan pertanian adalah golongan tua, iaitu berumur lebih 50 tahun dan tidak berupaya lagi bertani.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, menjelaskan bahawa kekurangan tenaga pekerja dalam sektor perladangan perlu diberi perhatian berat oleh golongan muda dan mereka tidak harus membiar peluang itu dirampas oleh pendatang tanpa izin.

Ganggu

Kerajaan negeri Pulau Pinang pula akan memastikan tidak ada pihak tertentu membawa masuk pendatang tanpa izin untuk merebut peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor, khususnya perladangan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Dr Ibrahim Saad, berkata kerajaan negeri memandang berat perbuatan pengusaha sektor ladang mengambil pekerja asing untuk bekerja dengan mereka

dan mengetepikan pekerja tempatan.

Sementara itu, penduduk daerah Padang Terap, Kedah mendakwa semua buruh asing yang dibawa masuk untuk bekerja di ladang tebu di daerah itu masih menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk tempatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Nerang, Drs Haji Awang Ahmad Sulaiman, berkata masalah itu bukan sesuatu yang baru, tetapi ia adalah masalah yang dihadapi oleh penduduk setiap tahun menjelang musim menebang tebu.

Katanya, Syarikat Gula Padang Terap (GPT) dan kontraktor yang bertanggungjawab membawa masuk buruh asing itu diingatkan supaya mengawal mereka agar tidak menimbulkan masalah pada penduduk tempatan.